

Headline **Pengasas PERNIM sedia kongsi pengalaman jaga anak HIV**
Date **29 Jun 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Sentral**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **6**
Article Size **149 cm²**
Color **One Spot Color**
ADValue **2,408**
PRValue **7,224**



Pengasas PERNIM sedia kongsi pengalaman jaga anak HIV

CHERAS: Pengasas Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/Aids Nurul Iman (PERNIM), Norlina Alawi bersedia berkongsi pengalaman dan memberikan tunjuk ajar kepada individu yang berminat untuk menjaga kanak-kanak dijangkiti penyakit itu dalam usaha membantu golongan kurang bernasib baik terbabit.

Norlina berkata, masih kurang masyarakat yang memahami mengenai penyakit HIV/Aids terutama untuk menjaga kanak-kanak terabai yang dijangkiti penyakit berkenaan walaupun mempunyai niat untuk membantu golongan itu.

"Anak sebegini selalunya disingkirkan masyarakat kerana takut dan kurangnya pengetahuan terhadap penyakit ini terutama untuk mengambil mereka menjadi anak angkat melalui saluran yang sah.

"Selepas mengendalikan PERNIM sejak 2003 kini saya menjaga lebih 60 anak angkat di sini yang berkonsepkan sebuah keluarga besar," katanya di sini.

Beliau berkata demikian selepas menerima tajaan daripada Muhammadiyah Travel & Tours untuk pakej umrah dan hospitaliti kepada 23 keluarga termasuk mereka yang menghidap HIV dan golongan tua yang menetap di PERNIM pada 25 Jun hingga 7 Jun ini.

Turut memberikan tajaan Maiza Budi Sdn Bhd yang menyediakan kain telekung dan kain ihram serta Karyawan Bistari yang menjalankan penggambaran sepanjang umrah.

Norlina berkata, PERNIM ditubuhkan untuk memberi perlindungan dengan menyediakan tempat tinggal, mengurus dan memperuntukkan rawatan secara berterusan kepada anak-anak itu, memberi pendidikan asas dan membimbing mereka ke arah kehidupan yang lebih cemerlang.

"Jika ada individu lain yang ingin menjalankan usaha menjaga kanak-kanak kurang bernasib baik ini saya sanggup memberikan segala pengalaman yang ada.

"Sesiapa yang berminat dan ingin mengetahui lebih lanjut boleh menghubungi saya di talian 03-42950775," katanya.